

## **GARIS PANDUAN ACARA SOSIAL, MESYUARAT DAN LATIHAN KURSUS**

**(Dikemaskini pada 28 April 2020)**

Garis panduan ini dibuat sebagai susulan kepada situasi terkini pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam berada di dalam fasa pengawalan pandemik berikutan terdapatnya kes yang telah dikenalpasti di negara ini. Langkah-langkah kesihatan awam ini dibuat bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan berterusan dalam masyarakat dan salah satu daripada langkah-langkah ini adalah dengan mengawal dan menghadkan perkumpulan ramai secara jarak dekat dalam tempoh yang lama.

### **(1) Pengertian Perkumpulan Ramai atau *Mass Gathering***

Seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Perkumpulan Ramai atau *Mass Gathering* merujuk kepada acara yang dianjurkan secara terancang mahupun spontan, serta mempunyai jumlah individu yang cukup untuk mengendalikan perancangan dan memberikan tindak balas terhadap sumber tenaga komuniti, kawasan, atau negara yang menganjurkan acara berkenaan (WHO, 2008).

Dalam konteks COVID-19 yang berlaku di Negara Brunei Darussalam, contoh perkumpulan ramai yang pada masa ini TIDAK dibenarkan termasuk:

- Semua acara kebudayaan, rekreasi dan hiburan; dan
- Acara peribadi atau sosial, acara keagamaan, acara perkahwinan, acara ulang tahun dan acara keramaian yang melibatkan penggunaan tempat-tempat awam khusus yang tertutup seperti dewan bankuet, restoran dan tempat-tempat acara lain.

**(2) Acara atau aktiviti berikut adalah dibenarkan, tertakluk kepada langkah berjaga-jaga dalam perenggan 3:**

- a) Aktiviti-aktiviti peribadi dan kekeluargaan serta aktiviti keagamaan seperti Tahlil, Doa Selamat dan solat berjemaah **di kediaman sendiri sahaja**;
- b) Pendaftaran perkahwinan dan Majlis Akad Nikah;
- c) Mesyuarat, Persidangan, Kursus latihan dan Temuduga pekerjaan termasuk peperiksaan bertulis; dan
- d) Aktiviti rekreasi (sukan dan kegiatan fizikal) di kawasan yang terbuka dan yang berpandukan kepada Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**3) Langkah berjaga-jaga yang perlu dipatuhi dalam membantu usaha-usaha Kerajaan mengawal penularan COVID-19:**

**a) Aktiviti-aktiviti peribadi dan kekeluargaan serta aktiviti keagamaan seperti Tahlil, Doa Selamat dan solat berjemaah di kediaman sendiri sahaja;**

- (i) Menghadkan jumlah kehadiran ahli keluarga tidak melebihi daripada 30 orang (tertakluk kepada saiz rumah);
- (ii) Menggunakan kem dan garej atau struktur sementara untuk tujuan tersebut di atas adalah tidak dibenarkan;
- (iii) Mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial misalannya, menjarakkan tempat duduk atau tempat solat sekurang-kurangnya pada jarak 1 – 2 meter;
- (iv) Memastikan tempat yang digunakan mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi yang baik. Adalah juga disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu;
- (v) Mengurangkan sentuhan atau kontek fizikal, contohnya elakkan bersalaman;

- (vi) Mengenalpasti ahli keluarga yang hadir - sediakan langkah-langkah yang membolehkan pengesanan kontak (*contact tracing*) jika diperlukan, seperti mengambil maklumat ahli keluarga yang hadir;
- (vii) Memastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa terjaga seperti dalam penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. Jika boleh, sediakan pensanitasi tangan atau *hand sanitiser*;
- (viii) Mengamalkan tanggungjawab sosial termasuk etika batuk dan bersin setiap masa;
- (ix) Mengecualikan atau menasihatkan ahli keluarga yang kurang sihat untuk tidak menghadiri acara berkenaan; dan
- (x) Memakai penutup hidung dan mulut jika mereka menghendaknya.

**b) Pendaftaran Perkahwinan dan Majlis Akad Nikah;**

- (i) Majlis Akad Nikah hanya akan dilangsungkan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam;

- (ii) Kebenaran untuk berkahwin pada masa ini masih boleh dipertimbangkan dengan syarat Majlis Akad Nikah tersebut mematuhi tatacara khas atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah-Mahkamah Syariah;
- (iii) Bagi Pendaftaran dan Perkahwinan Sivil bagi mereka yang beragama lain boleh dilangsungkan di Unit Pendaftaran Perkahwinan Sivil, Mahkamah Sivil dan hendaklah mematuhi tatacara atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Sivil.

Sila layari laman sesawang Mahkamah Sivil di [www.judiciary.gov.bn](http://www.judiciary.gov.bn) untuk keterangan lanjut berkenaan tatacara dan garis panduan yang telah ditetapkan;

- (iv) Jika pengantin lelaki atau perempuan tidak sihat, maka adalah dinasihatkan untuk menangguhkan perkahwinan; dan
- (v) Pendaftaran Perkahwinan bagi mereka yang beragama lain boleh didaftarkan di Bahagian Pendaftaran, Pejabat Peguam Negara dan hendaklah mematuhi tatacara atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Peguam Negara.

- c) **Mesyuarat, Persidangan, Kursus latihan dan Temuduga pekerjaan termasuk peperiksaan bertulis;**
- (i) Menghadkan jumlah kehadiran iaitu tidak melebihi daripada 30 orang (tertakluk kepada saiz tempat);
  - (ii) Menggunakan telekonferens untuk sesi latihan, jika kehadiran melebihi daripada 30 orang;
  - (iii) Memastikan jarak tempat duduk sekurang-kurangnya 1 - 2 meter antara satu sama lain dengan meletakkan penanda atau pelekat di lantai atau di tempat duduk;
  - (iv) Mengendalikan mesyuarat secara ringkas (*brief*), jika boleh;
  - (v) Memastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa terjaga seperti dalam penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. Jika boleh, sediakan pensanitasi tangan atau hand sanitizer;
  - (vi) Mengurangkan sentuhan atau kontek fizikal, contohnya elakkan bersalaman;

- (vii) Memastikan tempat yang digunakan mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi yang baik. Adalah disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu;
  - (viii) Menyediakan langkah-langkah yang membolehkan pengesanan kontak (*contact tracing*) jika diperlukan, iaitu dengan mengambil maklumat kehadiran yang lengkap seperti nama, nombor telefon dan sebagainya; dan
  - (ix) Memakai penutup hidung dan mulut jika mereka menghendakinya.
- d) Aktiviti rekreasi (sukan dan kegiatan fizikal) di kawasan yang terbuka dan yang berpanduan kepada Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
- (i) Aktiviti-aktiviti secara persendirian seperti berikut adalah dibenarkan:
    - (1) Joging
    - (2) Berjalan pantas
    - (3) Mendaki bukit

- (4) Berbasikal
  - (5) Senaman ringan tanpa menggunakan sebarang peralatan, misalannya Tai Chi
- (ii) Bagi aktiviti-aktiviti di para (d)(i)(1-4), jikalau awda perlu ditemani oleh seseorang, pastikan bersama dengan individu-individu yang diketahui dan mudah dihubungi bagi tujuan pengesanan kontek;

Manakala bagi aktiviti di para (d)(i)(5), hanya dibenarkan jika tidak melebihi daripada 5 orang yang diketahui dalam satu kumpulan yang senang dihubungi bagi tujuan pengesanan kontek.

- (iii) Mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya pada jarak 1 ke 2 meter sepanjang aktiviti dijalankan;
- (iv) Tidak melepak atau berkumpul sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan;
- (v) Beredar sejeurus selepas aktiviti berakhir; dan
- (vi) Tidak menyertai mana-mana aktiviti rekreasi (sukan dan kegiatan fizikal) jika kurang sihat.



**4) Mereka yang mempunyai keadaan berikut adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri sebarang acara atau aktiviti:**

- Warga emas yang mengalami masalah kesihatan atau penyakit kronik;
- Individu yang menghidap sistem imunisasi badan yang lemah seperti penyakit buah pinggang, penyakit jantung, kanser atau penyakit seumpama yang lain;
- Wanita hamil;
- Kanak-kanak di bawah umur 5 tahun; dan
- Mereka yang tidak sihat terutamanya mereka yang mengalami gejala pernafasan.

**5) Langkah berjaga-jaga yang perlu diambil selepas menghadiri acara atau aktiviti:**

- Dinasihatkan untuk memantau kesihatan diri sendiri.
- Dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan jika:
  - mengalami demam panas atau sebarang tanda-tanda jangkitan pernafasan.
  - mengetahui dan pernah berjumpa dengan individu yang telah disahkan dijangkiti COVID-19.
- Dinasihatkan untuk menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenainya.

\* Dokumen ini akan diteliti dan dikemaskini tertakluk kepada perkembangan semasa bagi wabak COVID-19 di peringkat nasional dan antarabangsa.

## GUIDELINES ON SOCIAL GATHERINGS AND EVENTS, MEETINGS AND TRAINING SESSIONS

*(Updated as of 28 April 2020)*

These guidelines are drawn up in response to the current COVID-19 pandemic in Brunei Darussalam. Currently, Brunei Darussalam is in the containment phase of the pandemic, i.e. cases have been detected in the country. These public health measures are put in place in order to reduce the risk of local and further transmission in our community and one of the known measures is to control and limit mass gatherings in close proximity over a prolonged duration.

### **(1) Definition of Mass Gathering**

A Mass Gathering has been defined by the World Health Organization (WHO) as an occasion, either organised or spontaneous where the "number of people attending is sufficient to strain the planning and response resources of the community, city, or nation hosting the event" (WHO, 2008).

In the context of COVID-19 that is happening in Brunei Darussalam, examples of mass gatherings that are currently NOT allowed include:

- All cultural, recreational and entertainment events; and
- Personal or social events, religious events, wedding events, birthdays and get-together involving the use of dedicated enclosed venues such as banquet halls, restaurants and other event venues.

**(2) The following activities are allowed, subject to the precautionary measures in paragraph 3:**

- a) Personal activities and family get-togethers and religious activities such as *Tahlil / Doa Selamat* and prayers **in own homes only**;
- b) Registration and Solemnization of marriages (*Akad Nikah*);
- c) Meetings, Conferences, Training courses and Job interviews including written examinations; and
- d) Recreational activities (sport and physical activities) in open areas, which are also to be guided by the Municipal Department, Ministry of Home Affairs; Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism; Department of Environment, Parks and Recreation

(JASTRE), Ministry of Development; and Ministry of Culture, Youth and Sports.

**(3) Precautionary measures that organisers need to put in place to help with the Government's effort in controlling the COVID-19 transmission:**

**a) Personal activities and family get-togethers and religious activities such as *Tahlil / Doa Selamat* and congregational prayers in own homes only;**

- (i) Limit the number of family members to not more than 30 people (depending on the size of the house);
- (ii) The use of tents and garage or other temporary structures for this purpose are not allowed;
- (iii) Ensure physical or social distancing measures are put in place. For example, stagger seating and prayer arrangements at least 1 to 2 meters apart;
- (iv) Ensure good ventilation. Encourage the use of fans and open windows, where possible;
- (v) Reduce contact with others e.g. avoid shaking hands;

- (vi) Know which family members have attended – place measures to facilitate contact tracing if needed, such as obtaining contact details of family members;
- (vii) Always ensure personal and environmental hygiene by putting in place adequate and clean toilet facilities as well as for washing hands with soap and water, also disposable hand towels or tissues and covered rubbish bins. Where possible, provide hand sanitisers;
- (viii) Practice social responsibility including respiratory etiquette at all times;
- (ix) Exclude or advise family members who are not well not to attend; and
- (x) Individuals may wear face masks if they wish to do so.

**b) Registration and Solemnization of marriages (*Akad Nikah*);**

- (i) Solemnization of marriages (*Akad Nikah*) is to be conducted at Syariah Courts, Brunei Darussalam;

- (ii) Permission to marry at this time can still be considered provided that the Solemnization of marriages (*Akad Nikah*) adheres to the procedure or guidelines set by the Syariah Courts;
- (iii) For Registry and Civil Marriages for other faiths may take place in the Civil Marriages Registry Unit, Supreme Court and shall comply with the procedures or guidelines set by the Supreme Court.

Please visit the Supreme Court website at [www.judiciary.gov.bn](http://www.judiciary.gov.bn) for more information on the established procedures and guidelines;

- (iv) If the groom or bride is unwell, then it is advisable to postpone the wedding; and
- (v) Marriage registration for other faiths may be registered at the Registries Division, Attorney General's Chambers and shall comply with the procedure or guidelines set by the Attorney General's Chambers.

**c) Meetings, Conferences, Training courses and Job interviews including written examinations;**

- (i) Limit the number of attendees to not more than 30 people (depending on the size of the room);

- (ii) Wherever possible or if there are more than 30 participants to use teleconferencing for any training sessions;
- (iii) Employees are seated 1 to 2 meters apart from each other or put in place markers or stickers on the floor or seats;
- (iv) Conduct brief meetings, where possible;
- (v) Always ensure personal and environmental hygiene by putting in place adequate and clean toilet facilities as well as for washing hands with soap and water, also disposable hand towels or tissues and covered rubbish bins. Where possible provide hand sanitisers;
- (vi) Reduce contact with others e.g. avoid shaking hands;
- (vii) Ensure good ventilation. Encourage the use of fans and open windows, where possible;
- (viii) Provide contact tracing measures where necessary, such as obtaining complete attendance information such as name, telephone number and so on; and



- (ix) Individuals may wear face masks if they wish to do so.

**d) Recreational activities (sport and physical activities) in open areas, which are also to be guided by the Municipal Department, Ministry of Home Affairs; Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism; Department of Environment, Parks and Recreation (JASTRE), Ministry of Development; and Ministry of Culture, Youth and Sports;**

- (i) The following individualised activities are allowed;

- (1) Jogging
- (2) Brisk walk
- (3) Hiking
- (4) Cycling
- (5) Light exercises without the use of equipment for example Tai Chi

- (ii) For other activities mentioned in (d)(i)(1-4), if you need to be with someone, make sure it is with individuals that you know and are easily contactable for contact tracing purposes;

However, for activities mentioned in (d)(i)(5), will only be permitted if it is not more than 5 known persons in a group that are easily contactable for contact tracing purposes.

- (iii) Maintain a distance of 1 to 2 meters apart from each other during the activities;
- (iv) No loitering / waiting around in groups before, during and after the activities;
- (v) Disperse immediately after the activities;
- (vi) Do not participate in any recreational activities (sports and physical activities) if you are unwell.

**(4) Those with the following conditions are particularly advised not to attend any events or activities:**

- Elderly with health problems or suffering from chronic diseases;
- Immunocompromised individuals such as suffering from kidney or lung problems, cancer or other immunosuppressed conditions;
- Pregnant women;
- Infants and children below 5 years' old; and
- Those who are unwell especially with respiratory symptoms.

**(5) Precautionary measures that attendees / participants need to take after attending an event or activity:**

- Attendees / participants are advised to monitor their own health conditions after attending the event.
- They should seek medical attention if:
  - They become unwell with fever and/or respiratory symptoms.
  - Know of a person attending the same function has been confirmed as a case of COVID-19.
- Please contact the Health Advice Line 148 for further advice or instructions.

*\*This document will be subject to review in accordance with the evolving situation on COVID-19 nationally and internationally*